

BULETIN @LAPORAN RINGKAS AKTIVITI MCW

Oleh: Julaila Samsudin, Ketua Penerangan MCW



Sidang media bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Presiden MCW sempena Majlis Perasmian Penutup Mesyuarat Agung pertama MCW di Pulau Pinang.

SELANGOR: Malaysia Corruption Watch (MCW) atau Pemerhati Rasuah Malaysia giat menjalankan aktiviti memerangi rasuah menerusi program-program motivasi kesedaran, forum dan sidang meja bulat. Pelbagai program integriti berunsurkan kesedaran anti rasuah dipupuk dalam kalangan ahli MCW sebelum mendidik dan menyedarkan masyarakat awam yang lain.

Mesyuarat Agung Pertama MCW diadakan di USM, P.Pinang seiring dengan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama NGO dan PIBG seluruh P.Pinang pada 4 dan 5 Ogos. Sambutan orang ramai pada Majlis IBR di P.Pinang amat memberangsangkan kerana ini adalah anjuran pertama MCW bersama SPRM.

Pada bulan yang sama MCW sekali lagi menggagarkan suasana dengan menganjurkan majlis IBR di Kelantan. Seramai lebih 400 orang hadir memberikan sokongan dan menyahut cabaran menandatangani IBR. Sambutan hangat ini menunjukkan rakyat benar-benar ingin melihat semua jabatan kerajaan mahupun swasta negara ini BERSIH DAN BEBAS RASUAH.

Jais Abdul Karim selaku Presiden, mahu MCW menjalankan aktiviti pencegahan rasuah seiring dengan Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang diilhamkan oleh Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM.

"Walaupun MCW masih pada peringkat permulaan dan berhadapan dengan kekangan ekonomi, saya amat bersyukur kerana MCW sudah mula mengorak langkah. Kerjasama dalam kalangan AJK, panel pemikir, koodinator dan penasihat amat baik sekali. Mereka sanggup menyumbang keringat tanpa meminta sebarang balasan dan bagi saya memang sudah kena pada tempatnya dengan sikap positif dan integriti yang dimiliki." Ujar presiden ketika disoal mengenai kekuatan dan kelebihan MCW sebagai NGO anti rasuah yang baharu.



Mesyuarat Agung Pertama MCW berjalan dengan lancar.

Sepanjang September, 'Team MCW' turun padang secara sukarela bagi menyokong program KONVOI KEMBARA JELAJAH ANTI RASUAH (KEJAR 17) sempena sambutan Ulang Tahun Penubuhan BPR/ SPRM ke-50, Tan Sri Dzulkifli Ahmad memberi laluan agar kami memperkenalkan peranan

MCW kepada masyarakat awam dan kakitangan SPRM di setiap negeri. MCW tampil memainkan peranan yang sangat kecil bagi memastikan tidak mengganggu perjalanan program yang telah dirancang rapi oleh pihak SPRM. MCW juga bekerjasama rapat dan mendapat tunjuk ajar dari pihak SPRM terutamanya bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS).



Pada 6 September, MCW mengadakan Sidang Meja Bulat mengenai tindakan dan usaha SPRM dalam membanteras rasuah negara. Pelbagai isu dibangkitkan di dalam perbincangan yang diadakan di Hotel The Regency Kuala Lumpur yang bertajuk "SPRM MESTI AGRESIF". Lebih 42 wakil NGO hadiri berdebat dan menyatakan kerisauan berkaitan gejala rasuah yang semakin membarah dalam kalangan masyarakat awam dan juga politik negara. Resolusi khas yang mengandungi senarai cadangan penambahbaikan strategi serta sistem penyiasatan SPRM diserahkan kepada Pengarah Bahagian PENMAS, Dato' Abdul Samat Kasah.



Antara wakil NGO dan media yang turut hadir

Pada 3 Oktober yang lalu, MCW terus mengorak langkah dengan menghimpunkan 60 buah NGO bagi menandatangani Petisyen Rakyat; membantah penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) yang dianggap tidak bijak serta membazir sumber yang ada atau wang pentadbiran kerajaan.

Petisyen bantahan tersebut diserahkan kepada wakil SPRM, Datuk Nor Azlan Md Razali. Tindakan seterusnya diserahkan kepada pihak SPRM agar dapat terus berdiri teguh sebagai institusi yang bebas menjalankan tugas tanpa gangguan. Hakikatnya ini adalah suara rakyat yang mahu melihat kes-kes rasuah disiasat dengan tegas dan saksama. Rasuah adalah musuh nombor satu negara yang perlu ditangani kerana tanpa rasuah segala masalah sosial dan ekonomi negara dapat diatas dengan jayanya.



Bantahan penubuhan JITN dan mempertahankan hak kebebasan SPRM.

Berdasarkan prinsip penubuhan, MCW mahu sentiasa bergerak agresif. Sempena sambutan ulang tahun ke-50 BPR/SPRM, Sidang Meja Bulat kedua diadakan pada 6 Oktober di Hotel Putra, Kuala Lumpur. MCW menjemput khas tiga ahli panel yang mewakili NGO, ahli akademik dan juga Timbalan Pesuruhjaya SPRM bagi membincangkan isu rasuah sistemik, teori serta teknikal bagi memastikan SPRM lebih proaktif dalam mengendalikan kes-kes siasatan rasuah di negara ini. Rakyat mengharapkan pihak SPRM benar-benar berjaya dapat menyelesaikan kes-kes siasatan berkaitan rasuah atau salah guna kuasa dengan menumpaskan individu atau agensi yang terlibat dalam jenayah yang semakin menjelaskan pertumbuhan ekonomi dan imej negara.



Sidang meja bulat di hotel Putra Kuala Lumpur



Dato' Azwandin JMM salah seorang panelis yang berani menyatakan pandangan dan menyeru rakyat bangkit menentang rasuah.



Dato' Shamsun Baharin Mohd.Jamil, Timbalan Pesuruhjaya SPRM hadir sebagai pemerhati dan pengulung perbincangan dalam sidang meja bulat ini.

Pada tarikh dan lokasi yang sama, Biro Penerbitan & Media MCW menganjurkan Majlis Hi TEA bersama Rakan-rakan Media sebagai tanda penghargaan atas kesudian mereka meuar-uarkan berita mengenai pergerakan MCW kepada khalayak pembaca. Selain itu, pihak media dijadikan sebagai rakan strategik MCW dan memainkan peranan yang baik bagi melaporkan perkembangan semasa mengenai aktiviti atau pergerakan anti rasuah. MCW berhasrat agar masyarakat dan kerajaan tahu fungsi sebenar MCW ditubuhkan. Hampir 20 orang wakil media menghadiri majlis ramah mesra ini. MCW mahu sentiasa rapat dengan pihak media agar segala berita dan info dapat disampaikan dengan cepat serta tepat kepada khalayak pembaca khususnya generasi muda yang baru mengenal erti kehidupan sebenar.



Wakil penerbitan dan Tv Online Sinar Harian



Timbalan Presiden 1 MCW, AJK, RTM dan wartawan Utusan Malaysia



Antara AJK MCW yang hadir Majlis Hi Tea bersama pihak media.

PELBAGAI PROGRAM@ GALERI MCW

MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) BERSAMA NGO DAN PIBG SELURUH NEGERI P.PINANG



Program IBR pertama anjuran MCW ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini menunjukkan rakyat kita mahukan perubahan yang positif untuk memastikan negara yang tercinta ini bebas daripada rasuah,



AJK MCW, bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg.Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan rakan-rakan NGO yang turut hadir pada majlis IBR di P.Pinang.



Kejayaan IBR di P.Pinang memberikan kekuatan untuk MCW terus mengorak langkah melaksanakan program yang sama di negeri Kelantan. Strategi MCW untuk menarik kerjasama masyarakat setempat amat penting dititikberatkan agar tidak mendatangkan ragu-ragu. Kegagalan menyakinkan masyarakat setempat untuk melaksanakan ikrar dan tandatangan IBR ini akan membawa impak negatif kepada SPRM secara tidak langsung. MCW harus memainkan peranan yang bijak untuk menjadi jambatan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

MESYUARAT AGUNG PERTAMA MCW



Beberapa agenda penting telah dibincangkan, antaranya ialah mengenai akta pertubuhan NGO, struktur pentadbiran dan pelan perancangan bagi mewujudkan sokongan orang ramai keatas program-program anti rasuah MCW dengan kerjasama SPRM di seluruh tanah air. YBhg. Ketua Pesuruhjaya turut hadir bagi menyampaikan kata-kata semangat dan merasmikan Mesyuarat Agung Pertama yang diadakan pada 5 Ogos 2017.

MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) BERSAMA NGO DAN PIBG SELURUH NEGERI KELANTAN



Para hadir berikrar menolak rasuah secara bersungguh-sungguh demi memastikan rasuah tidak menjadi perosak atau penghalang kepada kemajuan kehidupan dan tugas harian. Setiap individu yang hadir pada majlis ini amat teruja dengan 'semangat benci rasuah' yang dibentuk menerusi Majlis IBR anjuran MCW dengan kerjasama pihak SPRM ini. Harapan jangka masa panjang menerusi IBR ini, rakyat bangkit menentang rasuah tanpa dipaksa.

SOKONGAN MCW DALAM PROGRAM KONVOI KEJAR 17 ANJURAN SPRM



Konvoi KEJAR 17 di Kedah, P.Pinang dan Perlis.



Perasmian & Pelancaran KEJAR 17 di dataran DBKL, Kuala Lumpur.



Konvoi KEJAR 17 di Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. Kami mengambil kesempatan ini mengedarkan brosur dan mempromosikan pengenalan MCW kepada masyarakat setempat di setiap singgahan program Kejar 17 SPRM.

BERSAMAMU TV3 – PROMOSI MCW @BANTUAN KEMANUSIAAN



MCW menghulurkan bantuan kerusi roda dan kos perubatan untuk seorang anak nelayan di Pontian Johor sesudah menyertai konvoi KEJAR 17 di Johor. Kisah ini akan disiarkan dalam BERSAMAMU TV3 pada 24 Oktober 2017, sekali gus memperkenalkan MCW kepada masyarakat.

MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 SPRM & PERASMIAN KOMPLEKS BAHARU SPRM DI PUTRAJAYA



MCW menerima jemputan SPRM untuk hadir meraikan sambutan Ulang Tahun ke- 50 SPRM yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

PROGRAM SERGAH MINDA KEPIMPINAN MCW



Kemudahan Kompleks SPRM yang baharu di Putrajaya.

PROGRAM SERGAH MINDA 1

Program Sergah Minda ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama dalam kalangan ahli dan AJK MCW. Pengurusan MCW memastikan semua fakta dan info berkaitan integriti serta gerakan anti rasuah dapat dicapai dengan maksimum. Peranan membanteras rasuah amat penting bagi setiap individu di dalam MCW.

Program ini bermula dengan lawatan ke Ibu Pejabat SPRM yang baharu dan 'IKONIK'. Rupa bentuk bangunan atau kompleks SPRM yang baharu ini memperlihatkan komitmen

teguh Kerajaan Malaysia bagi memastikan SPRM mempunyai kemudahan terbaik dan terkini dalam usaha memerangi rasuah di Malaysia. Tanpa diduga MCW diiktiraf sebagai NGO pertama yang dibenarkan melawat bangunan ini.

Kesemua peserta mendengar ucapan aluan YBhg. Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM dengan penuh teliti. Dalam tempoh pertemuan yang singkat ini, Tan Sri Dzulkifli sempat menyampaikan info-info penting sebagai NGO anti rasuah yang mendokong dan menyokong GERAH SPRM. Beliau juga menyatakan sokongan dan harapan agar MCW dapat bergerak seiring dengan perkembangan semasa SPRM.



Sesi ‘team bonding’ membolehkan kami kenal di antara satu sama lain dengan lebih rapat. Konsep modul ini membolehkan setiap individu MCW lebih kuat dan mudah bekerjasama dalam gerakan anti rasuah. Kepelbagai latar belakang menjadi sumber kekuatan MCW dalam menjalin ukhwah berpasukan.



Penerangan yang jelas dari pegawai muda SPRM berjaya memberi input-input penting dan menjawab pelbagai persoalan yang bermain di minda peserta. Peserta telah memahami dan mampu menjelaskan kepada masyarakat tentang fungsi dan peranan SPRM dengan lebih baik lagi.



Sesi ‘NGO lebih efektif’ membuka minda dan memberi idea yang realistik untuk diaplikasi pada masa hadapan. Penerangan berkenaan latar belakang dan strategi MCW telah membuka mata para peserta serta berjaya membawa dimensi yang jelas mengenai hala tuju MCW. Peserta semakin menjiwai ‘kepunyaan’ dan ‘kekitaan’ perjuangan MCW yang lebih jelas.



Forum perkongsian pengalaman bersama Ahli Lembaga Penasihat juga banyak memberi pencerahan dan idea yang bernalas kepada AJK untuk menggerakkan MCW menjadi sebuah organisasi yang proaktif. Atur cara Sergah Minda MCW diakhiri dengan sesi Percikan Minda Presiden, perkongsian mengenai sejarah MCW, pengalaman dan strategi mentadbir MCW dengan lebih pantas agar tidak ketinggalan.

MCW MESTI menjadi sebuah NGO yang memperjuangkan rasuah dengan prinsip NON PARTISAN, tidak cenderung kepada jantina atau bangsa dan bersifat tidak terikat dengan mana-mana pihak. MCW WAJIB menjadi ADVOKATOR kepada masyarakat, SPRM dan kerajaan. **Strategi Keahlian MCW** yang bersifat ‘*by invitation only*’ penting bagi memastikan perjuangan MCW terus mantap dan eksklusif. MCW mahukan ahli terbaik, fokus dan komited dengan pergerakan anti rasuah ini.

PENYERAHAN MEMORANDUM KEPADA PERDANA MENTERI MALAYSIA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 SPRM MENERUSI SETIAUSAHA POLITIK, DATUK MUHAMMAD KHAIRUN ASEH



Presiden menerangkan tujuan penyerahan memorandum kepada setiausaha politik, YAB Perdana Menteri dalam pertemuan di Bangsar pada 27 September 2017 yang lalu. Selain memperkenalkan MCW sebagai NGO anti rasuah yang baharu, beliau juga menyatakan kebimbangan terhadap peratusan peningkatan kes-kes rasuah di Malaysia, MCW

mengesa agar kerajaan mengisytiharkan rasuah sebagai **Musuh Nombor 1 Negara**. Kerajaan juga diminta meneliti cadangan penambahan kakitangan SPRM daripada 1,900 orang kepada 5,000 orang secara berperingkat menjelang tahun 2020.

PROGRAM@MCW: SEMBANG PETANG- "KAMI NGO P.PINANG, ANTI RASUAH"



PkJ Tuan Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail, Timbalan Pengarah (Pencegahan) P.Pinang hadir memberikan taklimat yang penting diketahui dalam prosedur pencegahan dan membuat laporan atau aduan berkaitan rasuah.

Ahad, 22 Oktober 2017- Aktiviti secara santai ini diadakan di Ibu pejabat SPRM Pulau Pinang, Jalan Sultan Ahmad Shah bersama beberapa NGO dan orang perseorangan yang berminat untuk mengetahui mengenai cara melapor rasuah dengan tepat. Di samping itu, pendedahan maklumat mengenai isu-isu semasa berkaitan Integriti & Anti Rasuah di Malaysia khususnya P.Pinang. Antara isi perbincangan ialah contoh peristiwa yang disyaki rasuah atau salah guna kuasa,

perkembangan terkini MCW, cadangan – cadangan program anjuran bersama SPRM yang sesuai dan hal-hal lain yang berkaitan. NGO-NGO lain dijemput untuk menjalankan program secara kerjasama dengan MCW dan SPRM tempatan bagi membangkitkan kesedaran masyarakat agar menjauhi serta membenci tabiat buruk rasuah yang boleh merosakkan kehidupan.

PERBINCANGAN PENGANJURAN MAJLIS IBR DI PERLIS, PERAK DAN KEDAH BAGI NGO- NGO & PIBG



23 – 25 Oktober 2017 - Pertemuan ini dirancang dalam masa yang singkat bagi membincangkan tarikh dan perjalanan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di ketiga-tiga buah negeri ini dengan kerjasama Pejabat Menteri Besar serta SPRM negeri

berkenaan. Majlis IBR ini akan berlangsung pada 7-9 November 2017, bersama NGO-NGO dan PIBG seluruh negeri berkenaan bagi mewujudkan kesedaran integriti serta BENCI RASUAH dalam kalangan masyarakat setempat.